PANDUAN GURU · KSSR · KSSM · KP2027

Pek AI Cikgu 2027

Panduan praktikal guna AI percuma untuk RPH, slaid, soalan, PBD dan dokumen sekolah



RPH · KP2027 · Slaid · Soalan & kuiz · PBD · Ibu bapa · Pentadbiran

Alat percuma
ChatGPT, Gemini, Gemini Notebook dan Canva versi percuma sudah memadai.

Ikut format sekolah
Tampal format anda sendiri; AI isi kandungannya.

Selamat untuk murid
Kaedah kod murid M01, tiada data peribadi.

Versi 1.1 · November 2026 Bukan penerbitan rasmi KPM

PENGENALAN

Mula di sini

Satu hasil berguna dalam 10 minit, daripada panduan ini sahaja.

1. **Buka AI.** Pergi ke **chatgpt.com** atau **gemini.google.com**. Log masuk atau daftar akaun percuma.
2. **Mula perbualan baharu.** Tekan “New chat” (ikon pensel atau tanda tambah). Satu tugasan, satu perbualan.
3. **Tampal prompt 1.1.** Di telefon, tekan lama pada teks kotak di bawah, pilih semua teks kotak, kemudian Salin. Tampal dan hantar. AI patut membalas “Faham”.

Prompt 1.1: Persediaan sesi (tampal di awal setiap perbualan baharu)

PROMPT salin seluruh kotak, tukar `[KURUNGAN]`

```
Anda pembantu guru di sebuah sekolah
kerajaan di Malaysia.
Peraturan untuk sepanjang perbualan ini:
1. Ikut sistem pendidikan Malaysia (KSSR,
KSSM, Kurikulum Persekolahan 2027, PBD,
DSKP).
2. Jangan reka atau cari kod Standard
Kandungan atau Standard Pembelajaran.
Jika saya tidak beri, tulis ISI DARI
DSKP. Jangan guna carian web dan jangan
sertakan pautan, melainkan saya minta.
3. Jika anda tidak pasti sesuatu fakta,
tandakan dengan (SEMAK).
4. Jawapan ringkas dan terus kepada
format yang saya minta.
5. Saya tidak akan beri nama sebenar
murid. Saya guna kod seperti M01.
6. Gunakan bahasa di bawah sepanjang
perbualan.
Balas "Faham" sahaja jika anda bersedia.
Guna Bahasa Melayu Malaysia baku. Elakkan
perkataan Indonesia.
```

PEK AI CIKGU 2027

10 prompt paling kerap digunakan

Tangkap skrin atau cetak. “Mula di sini” dan “Laluan Pantas” = kotak penuh dalam panduan ini.

Saya nak…	Prompt
Mula perbualan baharu	1.1 · Mula di sini
Objektif dan kriteria	2.9 · Mula di sini
RPH harian	2.1 · Laluan Pantas
RPH seminggu	2.3
Soalan dan skema	5.1 · Laluan Pantas
Rangka slaid	3.1 · Laluan Pantas
Lembaran kerja 3 tahap	3.6
Ulasan PBD berkod	6.4 · Laluan Pantas
Mesej ibu bapa	7.1 · Laluan Pantas
OPR program	8.1 · Laluan Pantas

Guru Tahun 1 dan Tingkatan 1 (KP2027): tambah prompt 2.5 (Laluan Pantas) dan 2B.5.

LALUAN PANTAS · 3 / 7

Ulasan PBD

GUNA PROMPT **6.4**

SEDIAKAN DAHULU

Senarai kod murid (M01 = nama) dalam fail anda, di luar AI · pemerhatian: TP, kekuatan, perlu dibaiki, sikap

1. **Jadual tanpa nama.** Kod, TP, Kekuatan, Perlu dibaiki, Sikap. Kata kunci pendek.
2. **Tampal ke prompt 6.4.** Maksimum 15 murid setiap kali. Seterusnya: prompt 6.5.
3. **Padan dan baca.** Dalam Excel atau aplikasi Google Sheets di telefon, padankan ulasan dengan nama. Betulkan setiap ulasan.

TIPS SEMAK

Anda yang menentukan TP berdasarkan bukti, bukan AI.

AMARAN PRIVASI

Nama sebenar kekal dalam fail anda. Tiada masalah keluarga, kesihatan atau disiplin dalam jadual.

PILIHAN LAIN Rubrik: 6.1. Komen kad laporan: 6.7.

PERINCIAN Bab 6 hlm. 62 Contoh 3 hlm. 99

CONTOH 3

Disediakan mengikut prompt dan disemak

Rubrik PBD dan ulasan 5 murid berkod (Matematik Tahun 3)

PROMPT RUJUKAN

6.1 (rubrik), kemudian 6.4 (ulasan berkod)

Maklumat: Matematik Tahun 3, Pecahan Setara. Tugasan: lembaran kerja 6 soalan dan pemerhatian aktiviti lipat kertas. Kelas KSSR, jadi skala TP1 hingga TP6.

> ⚠ PENTING
>
> Lajur “Tafsiran” ialah ilustrasi ringkas. Guru menampal tafsiran Standard Prestasi sebenar daripada DSKP. Anda mesti buat yang sama.

Rubrik

- **TP1 (Menyatakan):** menyebut “satu per dua” bagi rajah separuh berwarna, dengan bimbingan.
- **TP2 (Menerangkan):** “Dua per empat sama besar dengan satu per dua sebab kawasan berwarna sama.”
- **TP3 (Mengaplikasi):** menulis 1/3 = 2/6 = 3/9 tanpa rajah.
- **TP4 (Mengaplikasi, lebih mencabar):** 2/3 = ?/9, jawab 6; “4/9 tidak setara dengan 2/3.”
- **TP5 (Masalah rutin):** “Siti makan 1/4, Amin makan 2/8 kek yang sama. Mereka makan sama banyak.”
- **TP6 (Bukan rutin, kreatif):** mencipta soalan berkongsi piza dan menyelesaikannya dengan dua cara.

Format sebenar prompt 6.1 ialah jadual 4 lajur (Tahap | Tafsiran | Bukti | Contoh); dipadatkan di sini untuk paparan telefon.

Data berkod yang ditampal guru (tanpa nama)

TEKS CONTOH contoh untuk rujukan

```
Kod (TP) | Kekuatan | Perlu dibaiki |
Sikap
M01 (TP5) | cepat kenal pecahan
setara, selesaikan soalan situasi |
tunjuk langkah kerja secara bertulis
| aktif, bantu rakan
M02 (TP2) | boleh terangkan 1/2 = 2/4
dengan kertas lipat | cari pecahan
setara tanpa rajah | malu bertanya
M03 (TP3) | darab atas dan bawah
dengan betul | soalan nombor yang
hilang | kurang fokus selepas rehat
M04 (TP4) | cari nombor hilang, semak
setara dengan betul | soalan cerita
yang panjang | tekun
M05 (TP1) | kenal separuh dengan
rajah | sebut dan tulis nama pecahan
| suka aktiviti amali
```

Hasil sebenar ChatGPT versi percuma (Nov 2026)

Data di atas ditampal ke prompt 6.4 (versi 1.0) dalam ChatGPT versi percuma pada 20 November 2026. Ulasan di bawah disalin

daripada jawapan ChatGPT, tanpa suntingan.

M01 - Murid ini cepat mengenal pasti pecahan setara dan mampu menyelesaikan soalan berbentuk situasi dengan baik. Dia digalakkan menunjukkan langkah kerja secara bertulis dengan lebih teratur. Sikap aktif dan kesediaan membantu rakan amat baik untuk diteruskan.

M02 - Murid ini boleh menerangkan kesetaraan 1/2 dan 2/4 menggunakan kertas lipat. Dia perlu meningkatkan kemahiran mencari pecahan setara tanpa bantuan rajah. Latihan secara berperingkat dan galakan untuk bertanya dapat membantu meningkatkan keyakinannya.

M03 - Murid ini dapat menggunakan kaedah mendarab pengangka dan penyebut dengan betul untuk mencari pecahan setara. Kemahiran menyelesaikan soalan nombor yang hilang masih boleh

diperkukuh melalui latihan berfokus. Dia juga digalakkan mengekalkan tumpuan selepas waktu rehat.

M04 - Ketekunan murid ini terserlah melalui kebolehannya mencari nombor yang hilang dan menyemak kesetaraan pecahan dengan betul. Dia boleh meningkatkan kemahiran memahami serta menyelesaikan soalan cerita yang panjang. Latihan mengenal pasti maklumat penting dalam soalan amat digalakkan.

M05 - Murid ini sudah boleh mengenal pasti konsep separuh melalui rajah dan menunjukkan minat terhadap aktiviti amali. Dia perlu dibimbing untuk menyebut dan menulis nama pecahan dengan betul. Aktiviti menggunakan kertas lipat dan latihan menamakan pecahan boleh diteruskan secara berperingkat.

TAMAT SAMPEL

Suka apa yang cikgu baca?

Ini cuma 10 muka daripada pek penuh. Dalam pek penuh:

- Panduan 136 muka (telefon) + versi A4 untuk cetak
- Bank Prompt: 124 prompt, setiap satu muat satu muka
- Laluan Pantas 7 tugas, 8 contoh hasil, Cabaran 7 hari
- Bab khas KP2027 + kemas kini percuma bila dokumen rasmi diterbitkan

RM29 · pekaicikgu.my

Jaminan wang dikembalikan 7 hari. WK Digital Tech (SSM 202503046540 (CT0146972–A)). Bukan penerbitan rasmi KPM.